

Banjir tahun ini lebih besar

Oleh **MOHD. MARTIN KAHAR**
martin.kahar@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Penduduk di Pantai Timur serta mereka yang bercadang mengunjungi kawasan itu diingatkan tentang kemungkinan kejadian banjir lebih besar pada musim tengkujuh bermula akhir tahun ini berbanding tahun lalu.

Kajian Jabatan Meteorologi Malaysia mendapati negeri seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak dijangka menerima taburan hujan lebih tinggi mulai bulan depan.

Timbalan Ketua Pengarah (Ramalan), Jabatan Meteorologi Malaysia, Che Gayah Ismail berkata, hujan lebat dijangka berterusan untuk beberapa hari pada musim peralihan Monsun Timur Laut dari November hingga Mac tahun depan.

“Dalam tempoh itu, negeri-negeri di Pantai Timur, kawasan pantai Sarawak dan pantai timur Sabah akan mengalami sekurang-kurangnya lima siri hujan lebat.

“Ia boleh berterusan selama dua hingga tiga hari akibat monsun yang boleh menyebabkan berlakunya banjir,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Che Gayah, pada awal musim Monsun Timur Laut, hujan lebat biasanya bermula di Kelantan dan Terengganu pada bulan November dan awal Disember. Ia beranjak secara perlahan-la-



JABATAN Meteorologi meramalkan kawasan Pantai Timur bakal berdepan banjir besar pada musim tengkujuh bermula bulan depan.

han ke Pahang dan Johor pada bulan Disember dan awal Januari 2011.

Beliau berkata, pada waktu yang sama, kelajuan angin boleh mencecah 60 kilometer sejam.

“Kami menjangka ketinggian ombak adalah sederhana iaitu 1.5 meter sehingga 2.5 meter tetapi boleh meningkat sehingga 4.5 meter, dan ini berbahaya kepada semua bot kecil,” katanya.